

Berita

Projek RTS S'pura-JB ditunda hingga 30 Sep

M'sia setuju bayar balik lebih \$600,000 kepada S'pura ekoran pengantungan projek

SINGAPURA dan Malaysia telah menandatangani satu perjanjian untuk menangguhkan pembinaan projek Sistem Gerak Cepat (RTS) Singapura-Johor sehingga 30 September ini.

Sebagai sebahagian daripada perjanjian itu, Malaysia akan membayar balik lebih \$600,000 kepada Singapura ekoran akibat pengantungan tersebut itu.

Menteri Pengangkutan Singapura Khaw Boon Wan serta Menteri Pengangkutan Malaysia Anthony Loke menandatangani perjanjian tersebut bagi memastikan penandaan tersebut di pejabat Kementerian Pengangkutan (MOT) Singapura di Bangunan PSA semalam.

Bercakap di satu sidang media bersama, Encik Khaw berkata Singapura berharap projek RTS itu dapat disambung semula selepas pengantungan itu – baik dalam keadaan sedia ada seperti yang ditunjukkan dalam perjanjian dua hala tahun lalu, atau dengan beberapa perubahan kepada skop projek itu.

"Jika tidak, projek RTS Singapura Johor ini akan dianggap telah dibatalkan oleh Malaysia dan Malaysia harus membayar balik los yang telah dibelanjakan Singapura untuk memenuhi kewajipan RTS Singapura Johor sejauh ini," kata Encik Khaw.

Malaysia perlu membayar lebih \$66 juta jika mereka membatalkan projek tersebut, lapor akhbar *The Straits Times*.

Encik Khaw berkata keputusan mengantungkan RTS Singapura Johor itu akan menjejaskan kontraktor dan pembida Penguasa Pengangkutan Darat (LTA) yang terlibat dalam perancangannya serta SMRT yang merupakan rakan kerje sama-sama Singapura bagi pendahuluan RTS Singapura Johor itu.

Menerusi satu kenyataan bersama semalam, kedua-dua negara berkata menteri pengangkutan mereka akan berunding mengenai kesesakan lalu lintas di sempadan.



"Kami juga akan meneroka pelbagai daya usaha, termasuk menggunakan teknologi baru bagi keselamatan dan kecekapan pusat pemeriksaan yang dipertingkatkan," kata kedua-dua negara.

Ditanya jumlah pengurangan kos yang dijangka Malaysia bagi projek itu, Encik Loke berkata beliau tidak dapat memberi anggaran kerana

perbincangan antara kedua-dua pemerintah dan Kementerian masih dijalankan dan akan berterusan sehingga beberapa bulan akan datang.

"Kami sedang meninjau langkah turut melibatkan sektor swasta dalam projek ini, jadi saya mahu ini membolehkan keputusan komersial dan saya tidak mahu memberi sebarang anggaran jumlahnya sekarang," katanya.

Encik Loke berkata perkara penting sekarang ialah solidnya kos prasarana dapat dikurangkan, ini akan memberi manfaat kepada penumpang dan orang ramai kerana ia boleh mengurangkan struktur tambah pada masa akan datang.

Menurutnya, Malaysia berharap dapat meneruskan projek RTS itu tetapi dalam bentuk lain dan menggunakan pendekatan yang berbeza

agar kos projek itu dapat dikurangkan.

Encik Khaw pula berkata Singapura terbuka kepada usulan daripada Malaysia namun menarik perhatian bahawa huraiannya berlainan mempayai kos dan prestasi yang berbeza juga.

"Fikiran lain mungkin lebih murah tetapi keupayaannya (memanipulasi) juga berkurangan," ujarnya.



SETUJU TUNDA: Menteri Pengangkutan Singapura, Encik Khaw Boon Wan (kanan) dan Menteri Pengangkutan Malaysia, Encik Anthony Loke di pejabat Kementerian Pengangkutan (MOT) Singapura di Bangunan PSA semalam. – Foto BH oleh KEVIN LIM

Suspek serangan NZ dituduh lakukan pengganasan

WELLINGTON: Lelaki yang menembak mati 51 jemaah dalam serangan di dua masjid di Christchurch secara rasmi dikenakan tuduhan pengganasan buat pertama kalinya semalam, kata polis New Zealand.

Isa sebagai tambahan kepada 51 tuduhan membunuh dan 40 tuduhan bunca membunuh yang dihadapi Brenton Tarrant bagi serangan di Masjid Al Noor dan Masjid Linwood pada 15 Mac itu.

"Tuduhan itu akan mendakwa bahawa satu tindakan pengganasan dilakukan di Christchurch," kata polis dalam satu kenyataan.

Perdana Menteri New Zealand, Cik Jacinda Ardern, menyifatkan pembunuhan di masjid itu sebagai "serangan pengganasan" yang dirancang dengan teliti sejak ia berlaku.

Tetapi hingga kini tuduhan terhadap Tarrant, yang menyifatkan dirinya sebagai pelampau ketuanan kulit putih, kurang luas cakupannya kerana Akta Pencegahan Pengganasan New Zealand hanya diperkenalkan pada 2002 dan ia belum diuji di mahkamah.

Polis berkata keputusan mengenai tuduhan pengganasan itu dibakukan selepas berunding dengan pendakwa dan pakar undang-undang pemerintah.

Tarrant, seorang warga Australia berusia 28 tahun, kini berada dalam penjara keselamatan tinggi menjadi ujian untuk menentukan apakah dia sesuai dari segi mental untuk dibicarakan.

Dia dijangka berada di mahkamah lagi pada 14 Jun.

Polis berkata mereka bertemu dengan terdakwa dan keluarga korban semalam untuk menjelaskan tuduhan tambahan itu.

"Polis komited untuk menyedai semua sokongan yang diperlukan bagi apa yang akan menjadi proses mencabar dan penuh emosi bagi keluarga korban dan mangsa serangan itu," kata mereka. – AFP.

Muis agih \$42j zakat tahun ini

Staf Muis turut agih bubur, bunga mawar dan buah-buahan kepada penduduk Serangoon North

► **MUR ADILAH MAMBOS**
adilahm@sph.com.sg

MAJLIS Ugama Islam Singapura (Muis) akan mengagihkan zakat berjumlah lebih \$42 juta kepada penerima di bawah senarai lapan asaf, atau golongan yang layak menerima zakat, tahun ini.

Daripada jumlah tersebut, \$2.2 juta dibahagikan pada Ramadan ini, termasuk \$2 juta bonus kepada lebih 6,650 keluarga dan individu, serta \$192,000 untuk menyokong program Muis dan masjid bagi penerima zakat.

Secara berasingan, Muis minggu lalu turut mengagihkan \$4.8 juta daripada pendapatan tahunan wakaf yang ditadbir Muis – kenaikan 61 peratus berbanding tahun-tahun lalu.

Ketua Eksekutif Muis, Encik Esa Masoud, melaporkan perangkaan itu semasa berucap di majlis Buka Puasa Muis di Masjid Al-Istiqamah, Serangoon North, semalam.

Menurut Encik Esa, jumlah \$42 juta zakat yang diagihkan tahun ini merupakan jumlah sumbangan zakat masyarakat Islam kepada Muis tahun lalu.

"Ini merupakan jumlah yang meningkat dengan mantap setiap tahun, mencerminkan semangat memberi dan komitmen masyarakat kepada keadilan sosial, yang merupakan antara prinsip dan nilai Islam," kata Encik Esa.

Bekas turut mengulas kenaikan pengagihan daripada pendapatan wakaf tahun ini, setelah Muis mengambil alih pengurusan empat wakaf baru.

Daripada \$4.8 juta yang diagihkan daripada pendapatan wakaf, \$1.7 juta disalurkan kepada 32 masjid untuk operasi serta keris peningkatan, manakala \$390,000 pula disalurkan kepada 30 badan Muslim untuk pelbagai program sosial, pendidikan dan penjagaan kesihatan.

Selainnya \$400,000, termasuk pengagihan daripada Wakaf Izzah, pula disumbangkan kepada madrasah sepanjang masa dan sambilan.

Turut tadbir di acara buka puasa itu ialah



SEBAR RAHMAH: Timbalan Ketua Eksekutif Muis Encik Fanni Aliman (kanan) bersama kakitangan Muis dan keluarga mereka serta sukarelawan Rosas of Peace mengagihkan bubur dan bunga mawar kepada penduduk di Serangoon North semalam. – Foto MUIS

telatan terhormat, Menteri Bertanggungjawab bagi Ekuwal Masyarakat Islam, Encik Masagus Zulhidfa Masagus Mohamad, Anggota Parlimen Melayu-Islam yang lain, pemimpin, pemimpin keagamaan, serta pemimpin badan Melayu dan India Muslim.

Majlis tahunan itu bertujuan menyebarkan rahmah sambil mempercepat jalinan

antara Muis dengan rakan masyarakatnya. Awal sebelum itu, kakitangan Muis dan keluarga mereka, bersama sukarelawan Masjid Al-Istiqamah serta inisiatif antara agama Rosas of Peace, mengagihkan bubur, bunga mawar dan buah-buahan kepada penduduk tidak kira kaum di kawasan Serangoon North.

Mereka telah pergi rumah ke rumah un-

tuk mengunjungi 200 unit flat, termasuk flat sewa.

Kakitangan Muis juga telah mengunjungi institusi masyarakat dan keagamaan lain di sekitar kawasan itu termasuk Gereja Yio Chu Kang, Kuli Hiang Foo Seng dan Kuli Sri Darmas Munneswaran untuk memberikan hadiah bagi memupuk hubungan mesra.



Brand Your Assets

Call 6289 8822 or e-mail notices@sph.com.sg to publicise your Financial Statements

NOTICES